

13 MAY 1997

Sabbaruddin-Umno

HANYA LIMA CAWANGAN TANGGUH MESYUARAT, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Semua 16,109 cawangan Umno di seluruh negara kecuali lima dalam Bahagian Kuala Selangor mesti menyelesaikan mesyuarat agung tahunan masing-masing pada Khamis ini, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik.

Beliau berkata lima cawangan itu dibenarkan menangguhkan mesyuarat masing-masing bagi menumpukan perhatian kepada pilihan raya kecil serentak bagi kerusi Parlimen Kuala Selangor dan kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan Permatang pada 29 Mei ini.

"Mereka minta tangguh kerana pilihan raya kecil itu dan yang amat penting sekarang Datuk Abu Hassan menang dahulu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku "Tok Cerpen. Malaysian short Stories Vol 1." karya Puan Bernice Narayanan di sini hari ini.

Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar yang dinamakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai bakal Menteri Besar Selangor akan bertanding di Permatang manakala kerusi Parlimen Kuala Selangor yang dikosongkannya akan ditandingi oleh bekas wakil rakyat Permatang Datuk Jamaluddin Adnan.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata bahawa setakat ini belum ada tarikh yang dicadangkan untuk lima cawangan itu mengadakan mesyuarat masing-masing.

Mengenai sembilan daripada 140 cawangan dalam bahagian Rantau Panjang di Kelantan yang diarah oleh Majlis Tertinggi (MT) untuk mengadakan semula mesyuarat agung masing-masing, beliau berkata cawangan-cawangan itu dapat berbuat demikian sebelum tarikh akhir itu.

"Saya yakin semua cawangan itu dapat mengadakan mesyuarat masing-masing kerana saya tidak menerima sebarang permohonan untuk menangguhkan mesyuarat," katanya.

Arahan supaya sembilan cawangan mengadakan semula mesyuarat agung masing-masing dibuat oleh MT dalam mesyuarat bulanannya Sabtu lepas berikutan aduan daripada anggota bahawa perjalanan mesyuarat tidak mengikut peraturan.

Mengenai 20 cawangan Umno Bahagian Tanjong di Pulau Pinang yang dikatakan bermasalah, beliau berkata berdasarkan laporan yang beliau terima, "semua dalam keadaan baik."

Mengenai pelancongan, Sabbaruddin mencadangkan agar diwujudkan program berkembar dengan institusi latihan luar negara untuk membantu melatih tenaga kerja terutama dalam perhotelan.

Kini terdapat 30 institusi tempatan berkaitan pelancongan yang memberi latihan bukan peringkat ijazah dan ini masih tidak dapat memenuhi keperluan tenaga mahir dan separuh mahir, katanya.

Beliau berkata jumlah pekerja sambilan terlatih yang diambil oleh hotel juga meningkat tetapi ia masih tidak mencukupi.

"Peningkatan pelaburan dalam bidang perhotelan juga memerlukan tenaga mahir dan separuh mahir dalam bidang itu," katanya. -- BERNAMA

NHD MAI